

Kediaman mampu milik jana pendapatan Hua Yang

KUALA LUMPUR - Hua Yang Bhd. (Hua Yang), syarikat pemaju hartanah yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia mencatat peningkatan dalam perolehannya sebanyak 67 peratus kepada RM100 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2009 berbanding RM59.9 juta tempoh yang sama tahun lalu.

Ketua Pegawai Operasinya, Ho Wen Yan berkata, peningkatan memberangsangkan itu dipacu oleh tumpuan syarikat terhadap segmen kediaman mampu milik.

"Jualan dalam segmen ini kekal kukuh di samping projek-projek kami di seluruh negara turut menyumbang kepada peningkatan perolehan syarikat," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau menjelaskan, tiga projek yang menyumbang kepada keputusan positif syarikat bagi tahun kewangan ini ialah Taman Pulau Indah di Johor yang mencatat jualan keseluruhan sebanyak RM464 juta manakala Bandar Universiti Seri Iskandar dan Metro Pengkalan Perak pula mencatat jualan berjumlah RM205 juta.

Di Selangor, antara projek pembangunan Hua Yang yang menerima sambutan menggalakkan ialah Symphony Heights di Selayang yang mana 75 peratus daripada unit kediaman yang dilancarkan telah habis dijual sejak ia dilancarkan pada tahun lalu.

"Kami akan berusaha mencatatkan prestasi kewangan yang lebih baik bagi tahun 2010," katanya sambil menambah syarikat kini terlibat dalam beberapa projek hartanah bernilai kira-kira RM1 bilion yang akan disiapkan pada tahun ini.

Menurutnya, syarikat akan tetap memfokuskan kepada segmen kediaman mampu milik selain mahu disenaraikan dalam kumpulan 10 syarikat hartanah terkemuka di negara ini.